KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS

# PENDIDIKAN MORAL

(Masalah Pembelajaran)

## Tahun 2


**Penulis**
Jaharah binti Aman
Low Yik Wen

**Editor**
Mohd 'Udzair bin Depanaik

**Pereka Bentuk**
Mohd Hafez bin Harun

**Ilustrator**
Abuzar Hubbinnabi bin Salaton



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2017

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0009

KK 370-221-0102011-49-1623-20101
ISBN 978-983-49-1623-7

Cetakan Pertama 2017
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
One Piece Creative Enterprise

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:

# PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai dari Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai dari Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| | Pendahuluan | v |
| Unit 1 | Haiwan Kawan Kami | 1-4 |
| Unit 2 | Membantu Guru | 5-8 |
| Unit 3 | Saya Bertanggungjawab | 9-12 |
| Unit 4 | Berterima Kasih | 13-16 |
| Unit 5 | Tutur Kata Sopan | 17-20 |
| Unit 6 | Hormat pada Semua | 21-24 |

| | | |
|---|---|---|
| Unit 7 | Saya Sayang Ibu Bapa | 25-28 |
| Unit 8 | Adil dan Sama Rata | 29-32 |
| Unit 9 | Saya Berani Menyatakan Kehendak | 33-36 |
| Unit 10 | Kejujuran | 37-42 |
| Unit 11 | Mari Bersikap Rajin | 43-48 |
| Unit 12 | Bekerjasama dengan Guru | 49-54 |
| Unit 13 | Saya Bersederhana | 55-60 |
| Unit 14 | Toleransi dengan Rakan | 61-66 |

# PENDAHULUAN

Pakej buku teks Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 2 ini terdiri daripada buku teks dan buku aktiviti. Kedua-dua buku ini ditulis berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Masalah Pembelajaran Tahun 2. Buku ini disediakan khas untuk murid bermasalah pembelajaran bukan beragama Islam yang mempelajari mata pelajaran Pendidikan Moral. Pakej buku teks dan buku aktiviti ini digubal berasaskan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu dikuasai oleh murid. Buku ini diterbitkan bagi menerapkan 14 nilai murni dalam kalangan murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Kesemua nilai murni tersebut dipersembahkan dalam buku ini untuk menterjemah SK dan SP agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan oleh murid dan guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Buku teks Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 2 menitikberatkan tiga aspek yang terdapat dalam kurikulum iaitu, pemikiran moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Tiga aspek ini digabungkan agar murid memahami 14 nilai murni seperti yang dihasratkan. Setiap unit dalam buku ini menghuraikan satu nilai murni secara terperinci mengikut keperluan murid bermasalah pembelajaran Tahun 2. Nilai murni tersebut ialah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, berhemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, dan toleransi.

Buku aktiviti yang disediakan akan membolehkan murid melaksanakan aktiviti yang dipelajari dalam buku teks. Susunan kandungan buku aktiviti masih mengambil kira tahap keupayaan murid. Bagi murid yang telah menguasai aspek pembelajaran, mereka boleh melakukan aktiviti pengayaan dan penilaian. Bagi murid yang kurang menguasai aspek pembelajaran, mereka boleh melakukan aktiviti pemulihan dan penilaian. Kesemua aktiviti ini akan menentukan pencapaian murid dari segi penguasaan kandungan pembelajaran bagi setiap nilai yang dipelajari.

Buku ini juga mementingkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Elemen ini memerlukan murid menilai, berfikir, menganalisis, memahami, dan mengaplikasikan nilai moral dalam pelbagai aspek. Penerapan KBAT dalam pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan ilmu pengetahuan murid. Pelbagai kaedah dan aktiviti menarik disediakan dalam buku ini seperti permainan, simulasi, dan nyanyian. Kemahiran berfikir, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan juga diterapkan dalam buku ini. Selain itu, elemen merentas kurikulum ditampilkan seperti teknologi maklumat dan komunikasi, kreativiti dan inovasi, serta keusahawanan.

Penggunaan buku teks ini dibantu dengan penyediaan ikon tertentu. Ikon tersebut adalah seperti yang berikut:

| | |
|---|---|
| KONSEP | Merupakan teks utama yang memperkenalkan konsep dan mencetuskan pemikiran murid. |
| PENGUKUHAN | Mengembangkan pemahaman dan pemikiran murid mengenai nilai yang dipelajari. |
| PENGAYAAN | Mengembangkan pemahaman dan pemikiran murid melalui pelbagai aktiviti secara cuba buat. |
| PEMULIHAN | Membantu murid yang kurang menguasai nilai yang dipelajari dengan menjalankan pelbagai aktiviti mengikut kemampuan. |
| | Merujuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid. |
| 1.1.1 1.1.2 1.1.3 | Panduan kepada guru untuk membimbing murid mencapai SP yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). |
| Nota Guru | Panduan dan cadangan kepada guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kemampuan murid. |

# Unit 1 HAIWAN KAWAN KAMI

KONSEP

Baca dan fahami.




1. Sebutkan ciptaan Tuhan yang terdapat dalam gambar.
2. Nyatakan cara kamu menghargai haiwan.

1.1.1
1.1.2
1.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami keunikan ciptaan Tuhan.
- Bimbing murid untuk menyatakan cara untuk menjaga haiwan.

PENGUKUHAN

## Hargailah Pelbagai Ciptaan Tuhan

Fahami situasi di bawah.




1. Bagaimanakah cara menghargai pelbagai ciptaan Tuhan?
2. Apakah cara lain menghargai pelbagai ciptaan Tuhan?

1.1.1
1.1.2
1.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami cara menghargai pelbagai ciptaan Tuhan.
- Bimbing murid menceritakan tentang pengalaman mereka menghargai pelbagai ciptaan Tuhan.

PENGAYAAN

## Kepentingan Menghargai Ciptaan Tuhan

Fahami gambar di bawah.




1. Mengapakah pelbagai ciptaan Tuhan perlu dijaga dengan baik?
2. Apakah yang akan berlaku sekiranya ciptaan Tuhan tidak dijaga dengan baik?

1.1.1
1.1.2
1.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid menghubung kait gambar A dengan gambar B.
- Bimbing murid menjelaskan kepentingan pelbagai ciptaan Tuhan.




## Mari Kita Menjaga

Projek menanam kacang hijau.



kacang hijau



kapas



bekas plastik



sebotol air

1



Basahkan kapas dan masukkan ke dalam bekas plastik.

2



Tabur kacang hijau di atas kapas basah tersebut.

3



Simpan di tempat yang gelap.

4



Hasil.

1.1.1
1.1.2
1.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami arahan.
- Bimbing murid menyatakan kepentingan tumbuhan kepada manusia.

# Unit 2 MEMBANTU GURU

KONSEP

Baca dan fahami.







1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Henry?
2. Mengapakah kita perlu mencontohi sikap Henry?

2.1.1
2.1.2
2.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami perlakuan Henry.
- Bimbing murid mencontohi sikap Henry.

## PENGUKUHAN Sedia Membantu

Fahami situasi.







1. Nyatakan cara murid-murid di atas membantu guru.
2. Apakah kebaikan yang diperoleh apabila kamu membantu guru?

2.1.1
2.1.2
2.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menunjukkan sikap baik hati yang lain.
- Bimbing murid berkongsi pengalaman mereka membantu guru.

PENGAYAAN

## Membantu Guru

Faham dan lakonkan.







1. Nyatakan perlakuan yang ditunjukkan oleh Linda.
2. Ceritakan pengalaman kamu membantu guru.

2.1.1
2.1.2
2.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid melakonkan semula perlakuan Linda.

PEMULIHAN

## Membantu Guru

Baca dan fahami dialog.




1. Apakah yang dilakukan oleh Darwin untuk membantu gurunya?
2. Apakah sikap Darwin yang boleh kamu contohi?

2.1.1
2.1.2
2.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami perlakuan Darwin.
- Bimbing murid mencontohi sikap Darwin.

Unit 3

# SAYA BERTANGGUNGJAWAB

KONSEP

Fahami gambar di bawah.

1



Sentiasa berpakaian kemas.

2



Menyiapkan tugasan yang diberikan.

3



Mematuhi peraturan sekolah.

4



Menceriakan suasana kelas.

1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh murid di atas?
2. Mengapakah murid perlu mengamalkan sikap bertanggungjawab?

3.1.1
3.1.2
3.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi gambar di atas.
- Bimbing murid menyatakan sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri semasa di sekolah.

PENGUKUHAN

# Tanggungjawab Murid di Sekolah

Mari kenali tanggungjawab anda.




1. Berdasarkan gambar di atas, apakah tanggungjawab seorang murid terhadap diri sendiri semasa di sekolah?
2. Ceritakan cara kamu melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri semasa di sekolah.

3.1.1
3.1.2
3.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjelaskan situasi gambar di atas.
- Bimbing murid memahami kepentingan sikap bertanggungjawab.

PENGAYAAN

## Tanggungjawab Memajukan Diri Sendiri

Fahami situasi di bawah.

1



Menyertai aktiviti sukan.

2



Memberikan tumpuan semasa guru mengajar.

3



Melaksanakan tugasan yang diberikan.

4



Bertanya soalan.

1. Apakah kepentingan melaksanakan tanggungjawab terhadap diri sendiri berdasarkan situasi di atas?
2. Nyatakan cara yang lain supaya dapat memajukan diri sendiri.

3.1.1
3.1.2
3.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi gambar di atas.
- Bimbing murid supaya mengamalkan sikap bertanggungjawab.

PEMULIHAN

# Bertanggungjawab Terhadap Diri Sendiri

Mari belajar membuat "Roti Bakar".

1



Masukkan roti ke dalam pembakar roti.

2



Selepas siap, keluarkan roti bakar dan letakkan di atas pinggan.

3



Sapukan mentega di atas roti.

4



"Roti Bakar" yang sudah siap.

3.1.1
3.1.2
3.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menghubung kait situasi dengan tanggungjawab murid.

Unit 4

# BERTERIMA KASIH

KONSEP

Amit dan Dina berkawan baik. Dina suka baca buku. Amit pinjamkan buku cerita kepada Dina.




1. Apakah yang diucapkan oleh Dina kepada Amit?
2. Mengapakah Dina berterima kasih kepada Amit?

4.1.1
4.1.2
4.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain yang menunjukkan sikap berterima kasih selain ucapan.

## Amalan Berterima Kasih

Fahami gambar.













1. Nyatakan cara mereka berterima kasih.
2. Mengapakah kita perlu menunjukkan sikap berterima kasih?



4.1.1
4.1.2
4.1.3

**Nota Guru**
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan terima kasih dengan cara lain.

PENGAYAAN

# Terima Kasih Semua

Fahami situasi.




1. Bagaimanakah cara mereka menghargai jasa dan sumbangan seseorang?
2. Mengapakah kita perlu menghargai jasa dan sumbangan mereka?

4.1.1
4.1.2
4.1.3

**Nota Guru**
- Bimbing murid melakonkan salah satu situasi diatas.
- Bimbing murid memahami kepentingan berterima kasih dalam gambar di atas.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain sikap berterima kasih.

PEMULIHAN

## Mari Ucapkan Terima Kasih

Ucapkan terima kasih kepada mereka. Lakonkan.

1




2




3




4




1. Nyatakan pelbagai cara berterima kasih.
2. Apakah kebaikan apabila kamu saling menghargai jasa orang lain?

4.1.1
4.1.2
4.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid melakonkan situasi berterima kasih.
- Bimbing murid menyatakan contoh lain yang menunjukkan sikap berterima kasih.

Unit 5

# TUTUR KATA SOPAN

KONSEP

Phang sedang berjoging di taman dan terjumpa dengan jirannya, Atuk Amir.







1. Nyatakan tutur kata sopan yang terdapat dalam cerita di atas.
2. Apakah kelebihan tutur kata sopan?

5.1.1
5.1.2
5.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami cerita di atas.
- Bimbing murid untuk main peranan bagi situasi di atas.

## Bertutur Kata Sopan

PENGUKUHAN

Fahami dan lakonkan.













1. Sebutkan tutur kata yang sopan dalam situasi di atas.
2. Mengapakah kita perlu bertutur dengan sopan?

5.1.1
5.1.2
5.1.3

**Nota Guru**
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid supaya mengamalkan amalan tutur kata sopan.

PENGAYAAN

# Kelebihan Tutur Kata Sopan






1. Tunjukkan cara kamu bertutur dengan sopan dalam pergaulan.

5.1.1
5.1.2
5.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami gambar di atas.
- Bimbing murid melafazkan tutur kata dengan intonasi dan nada suara yang sesuai.

PEMULIHAN

# Permainan Tutur Kata Sopan

## Cara Bermain

- Setiap murid perlu memancing seekor ikan kertas.
- Murid perlu melafazkan ucapan yang terdapat pada ikan.

Apa khabar? | Silakan masuk. | Minta maaf. | Jemputlah makan. | Silakan duduk.





5.1.1
5.1.2
5.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid melafazkan tutur kata sopan yang sesuai.
- Bimbing murid mengenal pasti tutur kata sopan yang lain dalam kehidupan seharian.

# Unit 6 HORMAT PADA SEMUA

KONSEP

Kenali dan hormat warga sekolah kita.

Selain daripada guru, mereka merupakan warga sekolah. Bagaimanakah cara menghormati mereka?




1. Nyatakan cara kamu menghormati warga sekolah.
2. Mengapa kita perlu menghormati mereka?

6.1.1
6.1.2
6.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid mengenali warga sekolah masing-masing.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai contoh cara menghormati warga sekolah.

PENGUKUHAN

# Hormati Warga Sekolah

Fahami gambar dan lakonkan.













1. Nyatakan cara kamu menghormati warga sekolah mengikut situasi di atas.
2. Apakah kebaikan menghormati warga sekolah?

6.1.1
6.1.2
6.1.3

**Nota Guru**
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menunjuk cara menghormati warga sekolah.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan menghormati warga sekolah.

PENGAYAAN

## Hormati Sumbangan Mereka

Baca dialog dan lakonkan.




1. Nyatakan cara kamu menghormati warga sekolah.
2. Apakah yang akan berlaku sekiranya tiada pekerja sekolah?

6.1.1
6.1.2
6.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid membaca dialog dan lakonkan.
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid supaya sentiasa menghormati sumbangan setiap warga sekolah.

PEMULIHAN

## Hargai Arahan Setiap Warga Sekolah

Lakonkan situasi di pusat sumber sekolah.




1. Apakah peraturan yang terdapat dalam situasi di atas?
2. Apakah kebaikan mematuhi peraturan itu?

6.1.1
6.1.2
6.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan peraturan lain yang terdapat di pusat sumber.
- Bimbing murid supaya sentiasa menghormati peraturan di sekolah.

Unit 7

# SAYA SAYANG IBU BAPA

KONSEP

Cara menyayangi ibu bapa.

Setiap anak wajib menyayangi ibu bapa. Mereka banyak berjasa kepada kita.

1.



Saya sering memeluk ibu bapa.

2.



Saya ikut nasihat ibu bapa.

3.



Saya tidak mahu membuatkan ibu bapa risau.

4.



Saya sentiasa membantu ibu bapa.

1. Bagaimanakah cara kamu menyayangi ibu bapa?
2. Mengapakah kita perlu menyayangi ibu bapa?

7.1.1
7.1.2
7.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami cara menyayangi ibu bapa.
- Bimbing murid menceritakan tentang jasa ibu bapa kepada mereka.

PENGUKUHAN

## Kepentingan Saling Menyayangi

Kempen kepentingan menyayangi ibu bapa.




1. Apakah kepentingan menyayangi ibu bapa?
2. Nyatakan cara lain kamu menyayangi ibu bapa.

7.1.1
7.1.2
7.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami poster di atas.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai cara menyayangi ibu bapa.

PENGAYAAN

# Cara Saya Sayang Ibu Bapa

Mari kita amalkan.

1.



Meminta nasihat daripada ibu bapa.

2.



Menunaikan harapan ibu bapa.

3.



Meraikan hari-hari istimewa bersama-sama ibu bapa.

4.



Beriadah bersama-sama ibu bapa.

1. Apakah kebaikan kita menyambut hari istimewa bersama-sama ibu bapa?
2. Ceritakan cara kamu menyayangi ibu bapa.

7.1.1
7.1.2
7.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami cara menyayangi ibu bapa.




# Hadiah Untuk Ibu dan Bapa

Mari membuat "Arca Mobail Hati".


potongan kertas warna


pengokot


piring kertas


reben


benang


pen marker

1


Lekatkan potongan hati pada benang.

2


Lekatkan benang pada piring kertas.

3



Tuliskan "Saya sayang ibu dan bapa" pada piring kertas.

4


Lekatkan reben pada piring kertas.

5


"Arca Mobail Hati" yang telah siap.



7.1.1
7.1.2
7.1.3

Nota Guru

- Sediakan bahan untuk murid menjalankan aktiviti.
- Bimbing murid menyiapkan "Arca Mobail Hati".

Unit 8

# ADIL DAN SAMA RATA

KONSEP

Baca dan fahami.




1. Bagaimanakah cara Ruby mengagihkan alatan lukisan kepada rakannya?
2. Apakah perasaan rakan Ruby apabila mendapat alatan lukisan?

8.1.1
8.1.2
8.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai contoh sikap adil di sekolah.

PENGUKUHAN

## Adil dan saksama

Fahami cerita.




1. Bagaimanakah sikap adil yang sepatutnya ditunjukkan oleh Cecelia?
2. Apakah kebaikan bersikap adil yang ditunjukkan?



8.1.1
8.1.2
8.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid menceritakan situasi adil.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap adil.



PENGAYAAN

## Bermain secara adil

### Cara bermain:

1. Pilih giliran secara adil.
2. Letakkan penanda pada petak mula.
3. Putarkan syiling (kepala = 2 langkah, ekor = 1 langkah).
4. Jawab soalan pada petak penanda itu berhenti.
5. Apabila penanda berada di petak penamat, kamu telah berjaya mengamalkan sikap adil.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16 TAMAT Tahniah, kamu telah mengamalkan sikap adil! | 15 Bagaimanakah kamu membahagikan sebiji roti kepada dua rakan kamu? Tunjukkan. | 14 | 13 Eja perkataan **sama rata**. |
| 9 Bahagikan kuih sama rata kepada rakan. | 10 | 11 Bahagikan 4 buah buku cerita kepada 4 orang rakan kamu. | 12 |
| 8 Edarkan minuman kepada rakan kamu secara adil. | 7 Eja perkataan **adil**. | 6 | 5 Beri kertas warna kepada rakan sama rata. |
| 1 MULA | 2 Kamu telah lama bermain blok mainan. Apakah tindakan kamu? | 3 Bahagikan 3 alat muzik kepada 3 orang rakan. | 4 |

8.1.1
8.1.2
8.1.3

Nota Guru

- Guru perlu menyediakan bahan yang berkaitan.
- Bimbing murid memahami situasi dan bermain secara adil.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap adil.

PEMULIHAN

# Bersikap Adil Semua Gembira

Fahami situasi.

1



Sama rata.



Semua gembira.

2



Saksama.




Mengeratkan hubungan.

1. Bagaimanakah cara mereka bersikap adil? Ceritakan.
2. Apakah kebaikan bersikap adil bersama rakan?

8.1.1
8.1.2
8.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap adil.

Unit 9

# SAYA BERANI MENYATAKAN KEHENDAK




Mari menyanyi.

Kalau ingin ke kantin minta izin
Kalau ingin ke tandas minta izin
Kalau ingin meminta beginilah caranya
Kalau  ingin keluar minta izin

Kalau ingin bertanya angkat tangan
Kalau ingin menjawab angkat tangan
Kalau ingin semua beginilah caranya
Kalau ingin menjawab angkat tangan

Kalau anda berani sebut hora
Kalau anda berani sebut hore
Kalau anda berani beginilah caranya
Kalau anda berani hora hore.

(Melodi: *Kalau Rasa Gembira*)



Imbas Saya

Layari laman web:
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=186

1. Berdasarkan lirik lagu di atas, bagaimanakah cara bersikap berani menyatakan kehendak di dalam kelas?
2. Mengapakah kita perlu berani menyatakan kehendak di dalam kelas?

9.1.1
9.1.2
9.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid menyanyikan lagu.
- Minta semua murid ke hadapan kelas dan membuat persembahan.

PENGUKUHAN

# Kepentingan Bersikap Berani

Fahami cerita ini.

1



Kaki Yuen terseliuh di rumah.

2



Di sekolah, guru menjalankan aktiviti melompat.

3



Yuen berjumpa dengan guru dan meminta izin untuk tidak melakukan aktiviti itu.

4



Guru memuji Yuen kerana berani menyatakan perkara yang sebenar.

1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Yuen semasa menghadapi masalah?
2. Apakah kebaikan Yuen bersikap berani menyatakan kehendaknya?

9.1.1
9.1.2
9.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami cerita di atas.
- Bimbing murid memahami kepentingan sikap berani dalam kehidupan harian.

## PENGAYAAN

# Berani Menyatakan Kehendak

Fahami gambar di bawah.




Berani bertanya.




Berani mencuba.




Berani menolak ajakan.




Berani meminta izin.

1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh murid di atas?
2. Nyatakan cara lain menunjukkan sikap keberanian menyatakan kehendak.

9.1.1
9.1.2
9.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami gambar di atas.
- Bimbing murid menyatakan kepentingan bersikap berani menyatakan kehendak.

PEMULIHAN

## Berani bertanya

Mari kita berlakon.










1. Apakah sikap yang patut diamalkan oleh Jessica?
2. Nyatakan kepentingan bersikap berani.



9.1.1
9.1.2
9.1.3

**Nota Guru**
- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.

Unit 10

# KEJUJURAN

KONSEP

Baca dan fahami.




1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Leong?
2. Apakah kebaikan bercakap benar?

10.1.1
10.1.2
10.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai contoh sikap jujur di rumah.

PENGUKUHAN

## Pilihan yang Jujur

Fahami dan bersikap jujur.




1. Apakah tindakan jujur yang ditunjukkan oleh adik?
2. Apakah kebaikan bersikap jujur?

10.1.1
10.1.2
10.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid mengamalkan sikap jujur dalam diri.

PENGAYAAN

# Bersikap Jujur Keluarga Bahagia

Situasi 1




Situasi 2




1. Adakah kamu memiliki sikap jujur seperti situasi di atas?
2. Apakah kebaikan jika semua ahli keluarga bersikap jujur?

10.1.1
10.1.2
10.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid mengamalkan sikap jujur dengan ahli keluarga.

PENGAYAAN

## Bobo yang jujur

Baca cerita.




Jiran Bobo datang.









1. Mengapakah Bobo tidak menunaikan permintaan jirannya?
2. Adakah kamu ingin menjadi seperti Bobo? Mengapa?
3. Apakah kepentingan bersikap jujur?

10.1.1
10.1.2
10.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami cerita.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai contoh sikap jujur dengan ahli keluarga.

PEMULIHAN

# Jujur Pada Keluarga

Fahami dan buat tindakan yang jujur.




1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Ramesh?
2. Mengapakah Ramesh perlu bersikap jujur dengan ahli keluarga?

10.1.1
10.1.2
10.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid sentiasa bersikap jujur.

Unit 11

# MARI BERSIKAP RAJIN

KONSEP

Fahami gambar di bawah.




1. Sebutkan sikap rajin yang ditunjukkan pada gambar di atas.
2. Apakah kepentingan bersikap rajin?

11.1.1
11.1.2
11.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami gambar di atas.
- Bimbing murid memahami kepentingan bersikap rajin.

PENGUKUHAN

## Usaha Yang Berterusan

Pesta Kaamatan merupakan salah satu perayaan yang penting kepada masyarakat Kadazandusun di Sabah. Sempena Pesta Kaamatan, murid kelas 2 Matahari dipilih untuk membuat persembahan Tarian Sumazau.






## Semasa persembahan




## Selepas persembahan




1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh murid-murid di atas?
2. Adakah kamu ingin mencontohi mereka? Mengapa?

II.1.1
II.1.2
II.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami gambar di atas.
- Bimbing murid nyatakan kepentingan sikap rajin.

PENGAYAAN

## Rajin dan Gigih

Baca dan fahami.

### Program NILAM

1



Tekun membaca buku.




Tokoh NILAM Kelas Mawar.

2




Berlatih bersungguh-sungguh.




Dipilih membuat persembahan.

1. Nyatakan sikap yang ditunjukkan dalam gambar di atas.
2. Bagaimanakah cara kamu mengamalkan sikap rajin?

II.1.1
II.1.2
II.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami kepentingan bersikap rajin.
- Bimbing murid mengamalkan sikap rajin di dalam kelas.

PENGAYAAN

## Kata Irama Rajin

Mari lafazkan kata irama.

Berlatih setiap hari
Kita jadi pandai.



Apabila kita menari
Mestilah lemah gemalai.



Belajar dengan semangat
Pelajaran mudah ingat.



Bila dapat pingat
Kita jadi hebat.

Imbas Saya

Layari laman web:
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=187

1. Nyatakan kebaikan bersikap rajin dalam kata irama di atas.
2. Mengapakah kamu perlu bersikap rajin?

11.1.1
11.1.2
11.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid melafazkan kata irama dengan betul.
- Bimbing murid memahami maksud kata irama di atas.

PEMULIHAN

## Rajin Menyiapkan Tugasan

Memahami gambar di bawah.







1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh John?
2. Nyatakan kebaikan bersikap rajin.

II.1.1
II.1.2
II.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi di atas.

# Unit 12 BEKERJASAMA DENGAN GURU

KONSEP

Fahami gambar.




1. Nyatakan aktiviti kerjasama yang terdapat pada gambar di atas.
2. Apakah yang akan terjadi sekiranya murid tidak bekerjasama dengan guru?

12.1.1
12.1.2
12.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid melakukan aktiviti kerjasama dengan guru.

PENGUKUHAN

## Tugas yang berat menjadi ringan

Fahami gambar dan ceritakan.

Guru dan murid Sekolah Kebangsaan Sungai Kepar bersetuju untuk bekerjasama bagi menjayakan Program Anak Angkat Kelas Pendidikan Khas.

### Persiapan sebelum









## Semasa





## Selepas




1. Nyatakan aktiviti kerjasama dengan guru berdasarkan situasi di atas.
2. Nyatakan kebaikan bekerjasama dengan guru.

12.1.1
12.1.2
12.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid memahami konsep bekerjasama.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai contoh lain sikap bekerjasama dengan guru.

PENGAYAAN

# Mari Bermain

1



Guru menyediakan bahan untuk bermain “Litar Kejayaan”.

2



Guru lakarkan laluan kereta.

3



Gerakkan kereta dari petak mula ke petak penamat secara bekerjasama.

4



Bekerjasama dalam kumpulan untuk memastikan kereta sampai ke garisan penamat.

1. Mengapakah kamu perlu bekerjasama semasa melakukan aktiviti ini?

12.1.1
12.1.2
12.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid melakukan aktiviti.
- Bimbing murid menjawab soalan.

PENGAYAAN

## Bekerjasama, Hati Gembira

Baca dan fahami.

| Bekerjasama | Kebaikannya |
| --- | --- |
| A  Menyimpan alatan sukan. |  Kerja cepat disiapkan. |
| B  Membersihkan bilik darjah. |  Kerja mudah disiapkan. |

1. Nyatakan kebaikan aktiviti bekerjasama bersama guru.
2. Apakah yang akan berlaku sekiranya mereka tidak bekerjasama?

12.1.1
12.1.2
12.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menyatakan pelbagai contoh lain sikap bekerjasama.

PEMULIHAN

# Bersama menjaga kebersihan

Mari bekerjasama membuat poster kempen kebersihan.

1




Sediakan bahan: gam, gunting, majalah dan surat khabar.

2



Cari dan gunting gambar yang menunjukkan aktiviti gotong-royong.

3



Cari dan gunting huruf membentuk perkataan "KEMPEN KEBERSIHAN".

4



Tampalkan gambar dan huruf bagi membentuk poster. Pamerkan.

12.1.1
12.1.2
12.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.

Unit 13

# SAYA BERSEDERHANA

KONSEP

Fahami gambar di bawah.



1. Nyatakan perlakuan bersikap sederhana dalam situasi di atas.

13.1.1
13.1.2
13.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid mengaitkan situasi dengan sikap sederhana.
- Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap sederhana.

PENGUKUHAN

## Bersikap Sederhana Dijadikan Amalan

Mari bersikap sederhana di sekolah.












1. Nyatakan sikap bersederhana yang perlu kamu amalkan.
2. Mengapakah kita perlu bersikap sederhana?

13.1.1
13.1.2
13.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid bercerita dan mengaitkan sikap bersederhana dalam kehidupan.
- Bimbing murid menghubung kait sikap sederhana yang perlu diamalkan.

PENGAYAAN

## Pemeriksaan Alat Tulis

Mari kita lihat alat tulis yang dibawa oleh murid-murid kelas 2 Merah.

| Murid | alat tulis murid |
|---|---|
|  Peter |  |
|  Mei Mei |  |
|  Arun |  |
|  Nurul |  |

1. Murid yang manakah mengamalkan sikap bersederhana?
2. Mengapakah murid lain tidak bersikap sederhana?

13.1.1
13.1.2
13.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi dan kebaikan sikap bersederhana.

PENGAYAAN

## Mari Bersederhana

Mari bernyanyi.

Hidup sederhana
Jadikan amalan
Bila ambil barang
Janganlah membazir

Elak sikap tamak
Semua dapat rasa
Amalan jimat cermat
Semua orang suka.

(Melodi: *Burung Kakak Tua*)



Imbas Saya

Layari laman web:
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=188

1. Apakah kebaikan bersikap sederhana?
2. Nyatakan perlakuan sikap sederhana yang terdapat dalam lirik lagu di atas.

13.1.1
13.1.2
13.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid menyanyikan lagu.
- Bimbing murid menghubung kait sikap bersederhana yang perlu diamalkan.

PEMULIHAN

## Amalkan Hidup Sederhana

Fahami situasi murid kelas 2 Merah.










1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh murid kelas 2 Merah?
2. Nyatakan kebaikan bersikap sederhana dalam situasi di atas.



13.1.1
13.1.2
13.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid untuk bersikap sederhana dalam kehidupan seharian.

## Unit 14 TOLERANSI DENGAN RAKAN

KONSEP

Fahami situasi.




1. Nyatakan perlakuan bertolak ansur yang ditunjukkan dalam cerita di atas.
2. Mengapakah perlu ada sikap bertolak ansur dalam pergaulan?

14.1.1
14.1.2
14.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid memahami konsep toleransi.
- Bimbing murid mencontohi sikap toleransi di atas.

PENGUKUHAN

## Kisah Anding yang Bertoleransi

Fahami situasi.

Isnin




Selasa



Rabu




Khamis




Jumaat




1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Anding?
2. Apakah kebaikan sikap bertoleransi Anding kepada rakannya?

14.1.1
14.1.2
14.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid memahami konsep toleransi.
- Bimbing murid memberikan contoh lain sikap toleransi.

PENGAYAAN

## Sabar menunggu

Baca cerita dan fahami.







1. Apakah kebaikan sikap yang ditunjukkan oleh Bing?
2. Adakah kamu akan mencontohi sikap Bing?

14.1.1
14.1.2
14.1.3

Nota Guru

- Bimbing murid memahami cerita.
- Bimbing murid memahami konsep toleransi dalam cerita ini.
- Bimbing murid memberikan contoh lain sikap toleransi.

PENGAYAAN

## Bertolak ansur mengerat hubungan

Baca dan fahami.

1




2




1. Jelaskan kebaikan bertolak ansur seperti situasi di atas.
2. Tunjuk cara bagaimana kamu bertolak ansur di dalam bilik darjah.

14.1.1
14.1.2
14.1.3

Nota Guru
- Bimbing murid memahami situasi.
- Bimbing murid memahami konsep tolak ansur dalam situasi di atas.
- Bimbing murid menunjuk cara sikap bertolak ansur yang lain di dalam bilik darjah.




## Bertolak ansur amalan mulia

Baca dan amalkan sikap bertolak ansur.













1. Apakah sikap yang ditunjukkan di atas?
2. Mengapakah kamu perlu bertolak ansur dengan rakan di dalam bilik darjah?

14.1.1
14.1.2
14.1.3

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami konsep tolak ansur dalam situasi di atas.
- Bimbing murid menunjuk cara sikap bertolak ansur yang lain di dalam bilik darjah.
- Bimbing murid amalkan sikap tolak ansur di dalam bilik darjah.